

NO. SOALAN: 547

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10145

SOALAN :

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan usaha Kerajaan Persekutuan bagi
mempertingkatkan kawalan sempadan seperti di Thailand dan
Malaysia yang selalu berlaku aktiviti penyeludupan dan
mewujudkan ancaman keselamatan terhadap negara.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah dengan mewujudkan kerjasama strategik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah program National Blue Ocean Strategy (NBOS) di mana anggota ATM dan PDRM bekerjasama dalam melaksanakan kawalan dan operasi di sempadan Malaysia-Thailand.

Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) yang ditubuhkan melalui naik taraf Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) Malaysia adalah salah satu inisiatif yang telah diambil Kementerian Dalam Negeri bagi meningkatkan lagi kawalan keselamatan Negara di sempadan darat negara. AKSEM yang terdiri dari gabungan pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) di bawah satu pasukan petugas dilihat dapat mengambil tindakan yang lebih berkesan, holistik dan bersepadu dalam membendung jenayah rentas sempadan di sempadan Malaysia – Thailand.

Bentuk penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh AKSEM adalah melibatkan aktiviti seperti risikan, serbuan, tangkapan, sekatan jalan raya tetap (static) dan tidak tetap (mobile) serta rondaan di

kawasan sempadan Malaysia – Thailand. Semua dapatan yang terhasil daripada operasi yang dilaksanakan seperti tangkapan pesalah dan rampasan barangan yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan akan diserahkan kepada agensi penguatkuasa yang berkenaan mengikut peruntukan undang-undang serta peraturan yang berkaitan bagi tujuan siasatan lanjut dan pendakwaan.